

Pemansuhan Dasar PPSMI: Tinjauan daripada Persepsi Parti Politik, Ahli Akademik dan NGO serta Pengalaman di Sekolah

JUNAIDI AWANG BESAR
MOHD FUAD MAT JALI

ABSTRAK

Makalah ini berusahah menyokong pemansuhan PPSMI (Polisi Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris) oleh pihak kerajaan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan sejak sesi persekolahan 2003. Penilaian ini adalah didasarkan kepada hasil kajian lapangan yang dilakukan dari tahun 2004 hingga 2008 di sekolah-sekolah terpilih di negeri Terengganu dan Selangor. Hasil kajian ini membuktikan prestasi pencapaian subjek sains dan matematik dalam tempoh pelaksanaan polisi tersebut adalah semakin merosot, terutamanya di sekolah harian luar bandar, kerana pihak-pihak yang terlibat tidak memahami istilah/konsep Inggeris dalam subjek-subjek tersebut, tidak menguasai asas bahasa Inggeris itu sendiri, pengajaran tidak jelas dan kekurangan bahan pengajaran. Bagi guru yang terlibat dalam pengajaran, 87.5 peratus di Terengganu dan 91.3 peratus di Selangor, menyatakan tidak dapat meningkatkan minat khususnya pelajar Melayu. Ibu/bapa juga, majoritinya tidak bersetuju PPSMI meningkatkan pencapaian anak Melayu dalam mata pelajaran sains dan matematik. Malahan pencapaian mereka semakin merosot kerana tidak memahami apa yang diajar oleh guru. Kesimpulannya, mereka berpendapat PPSMI memang sepatutnya dimansuhkan pada peringkat awal pelaksanaannya lagi.

Kata kunci: polisi, bahasa, sekolah, luar bandar, dan minat

ABSTRACT

This paper seeks to support the revocation of Teaching and Learning Science and Mathematics Subjects in English Policy (PPSMI) which had been implemented by the government since the 2003 school session. This justification is based on the outcomes of field works undertaken from 2004 to 2008 at selected schools in Terengganu and Selangor. The outcomes of this study proved that the achievement of science and mathematic subjects has declined in the consecutive years during the period of the policy implementation, especially in the rural vernacular schools, due to those who involved in teaching did not

understand English concepts/terms in the subjects. In fact, they are lagging the basic of English language, as well as the teaching method is unclear and inadequate of teaching material. Those teachers who involved in teaching of these subjects, 87.5 percent in Terengganu and 91.3 percent in Selangor, said the usage of English could not stimulate the students interest. The majority of parents disagreed with the notion that the PPSMI could uplift the achievement of the Malay students in science and mathematic. On the contrary, the results had been declining because the students could not follow what had been taught by teachers. As a conclusion, they think that PPSMI should had been abolished since its initial stage.

Keywords: policy, language, school, rural, and interests

Pengenalan

Kementerian Pendidikan telah diberikan misi oleh Kerajaan supaya melaksanakan Polisi Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI), iaitu Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (SMI), yang melibatkan pelajar darjah satu, tingkatan satu, tingkatan enam rendah dan matrikulasi, mulai sesi 2003. Walau bagaimanapun, pada 8 Julai 2009 kerajaan telah mengumumkan dasar tersebut dimansuhkan. Menteri Pelajaran, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Mohd. Yassin menyatakan di sekolah kebangsaan, bahasa Melayu akan menggantikan bahasa Inggeris untuk mengajar dua matapelajaran tersebut, sementara sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil akan menggunakan bahasa ibunda masing-masing. Pemansuhan dasar tersebut dilakukan kerana didapati tahap penguasaan bahasa Inggeris di kalangan murid terutamanya di luar bandar masih rendah menyebabkan mereka sukar untuk memahami subjek tersebut dalam bahasa Inggeris. Sejak ia dilaksanakan lagi Kementerian terpaksa menangani pelbagai isu dan kritikan yang ditimbulkan oleh pelbagai pihak.

Persoalannya, apakah reaksi selepas Polisi tersebut dimansuhkan dan apakah kewajaran yang menyokong pemansuhannya? Makalah ini bertujuan untuk membincangkan kewajaran yang menyokong pemansuhan tersebut berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan berdasarkan pengalaman di sekolah di Selangor dan Terengganu, dan juga pandangan pihak NGO serta parti politik.

Data

Penyelidikan ini dilakukan di negeri Selangor dan Terengganu. Responden dipilih melalui kaedah persampelan berkelompok yang melibatkan pelajar sekolah menengah tingkatan dua. Seramai 300 orang murid tingkatan 2 di 12 buah sekolah, iaitu 6 buah sekolah di Terengganu dan 6 buah sekolah di Selangor. Sekolah-seolah-olah yang dipilih itu meliputi sekolah harian bandar, sekolah harian luar bandar, sekolah asrama penuh dan sekolah agama. 25 orang murid bagi setiap sekolah dipilih sebagai responden.

Terengganu

Sekolah harian bandar:

- 1) Sek. Men. Keb. Tengku Bariah, Kuala Terengganu
- 2) Sek. Men. Keb. Seri Budiman, Kuala Terengganu

Sekolah harian luar bandar di Terengganu:

Sek. Men Keb. Seri Berang, Hulu Terengganu

Sekolah asrama penuh di Terengganu:

Sek. Menengah Agama Atas Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu dan

Sekolah agama di Terengganu:

Sek. Men. Keb. Agama Sheikh Abdul Malik, Kuala Terengganu

Selangor

Sekolah harian bandar di Selangor:

Sek. Men Keb. Seksyen 16, Shah Alam

Sek. Men. Keb. Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam

Sekolah harian luar bandar di Selangor:

Sek. Men Keb. Khir Johari, Beranang

Sek. Men Keb. Abdul Jalil, Hulu Langat

Sekolah asrama penuh di Selangor:

Sek. Menengah Agama Persekutuan Kajang

Sekolah agama di Selangor:

Sek. Agama Men. Tinggi Tengku Ampuan Jemaah, Shah Alam

Bagi setiap negeri, sebanyak 4 jenis sekolah diambil sebagai tempat kajian iaitu dua buah sekolah harian di bandar, dua buah sekolah harian di luar bandar, sebuah sekolah asrama penuh dan sebuah sekolah menengah agama.

Kategori-kategori dan lokasi keterbandaran sekolah yang dipilih adalah berdasarkan ketetapan yang telah dibuat oleh Jabatan Pelajaran Selangor dan Jabatan Pelajaran Terengganu. Keputusan peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) diambil daripada sekolah-sekolah terpilih iaitu bermula tahun 2007 hingga 2009 sebagai perbandingan.

Kajian-Kajian Bersifat Ilmiah

Sehingga ke hari ini didapati tidak banyak kajian yang mengkhusus secara langsung kepada topik ini. Ini kerana isu yang dikaji ini adalah baru dan kurang mendapat liputan penyelidik. Namun, terdapat beberapa kajian yang dihasilkan oleh sarjana Barat dan tempatan yang dilihat mempunyai kaitan dengan kajian yang dilakukan.

Kajian Kementerian Pendidikan Malaysia (1973) menunjukkan peratusan kegagalan dalam mata pelajaran Sains bagi pelajar dari luar bandar dalam peperiksaan Penilaian Darjah Lima lebih tinggi daripada pelajar di bandar. Pelajar bandar didapati menunjukkan minat yang tinggi terhadap mata pelajaran Sains berbanding pelajar dari luar bandar.

Belvin (1979) mendapati bahawa berlaku hubungan yang positif antara pencapaian yang diperoleh di peringkat sekolah rendah dan sikap terhadap Matematik di peringkat sekolah menengah. Murid lebih berjaya dalam kelas apabila gurunya adalah berorientasikan tugas, bersemangat mengajar yang tinggi, peka kepada kesulitan pemahaman pelajar, berkebolehan, berkeyakinan dan mempunyai kepakaran dalam bidang yang diajarnya. Cara guru Matematik bertindakbalas terhadap soalan yang dikemukakan oleh pelajar mempengaruhi aspirasi pelajar terhadap pembelajarannya (Everston 1980).

Ho (1989) dalam kajiannya terhadap kesan pertukaran bahasa pengantar bahasa Inggeris ke bahasa Cina di sebuah sekolah menengah bantuan kerajaan di Hong Kong mendapati dengan berakhirnya pengantar bahasa Inggeris dalam pengajaran telah menjelaskan pencapaian mata pelajaran bahasa Cina dan Matematik. Pencapaian dalam matematik amat bergantung pada minat, sikap dan prestasi pelajar (Mat Sari (1986). Ia dipengaruhi oleh aliran pengajian, jenis tempat tinggal, pengangkutan ke sekolah, pekerjaan Ibu bapa dan pencapai peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (Tuan Zul Aziz, 1990). Faktor yang mendorong pelajar

mempelajari bahasa Inggeris antaranya ialah untuk keperluan peribadi dan akademik mereka sendiri sebagai persediaan melanjutkan pelajaran ke luar negara, meningkatkan pengetahuan membaca dalam bahasa Inggeris dan membantu mereka mendapat pekerjaan di dalam dan di luar negara (Kuldip 1995).

Pengajaran bahasa Inggeris standard perlu dimulakan seawal pendidikan formal kanak-kanak (Cristmore et. al. 1996) dan mengikut kesesuaian tahap pengetahuan pelajar dalam memahami bahasa Inggeris seperti yang diamalkan di Brunei (lihat Burns dan Chareston 1997) .

Hassan (dalam Widralela 2000) dalam kajiannya terhadap pelajar-pelajar Indonesia dalam pembelajaran Sains dan Matematik mendapatkan pelajar di luar bandar lebih bermasalah. Mereka menghadapi masalah penyesuaian dengan persekolahan, keluarga, rakan sebaya dan persekitaran. Pelajar luar bandar yang berlatar belakangkan sosioekonomi yang rendah menghadapi lebih banyak masalah dari aspek kewangan, motivasi, kemudahan asas, kemudahan makmal sekolah yang lengkap. Namun, pelajar bandar yang berlatar belakangkan sosioekonomi yang tinggi pula lebih terdedah kepada masalah sosial dan budaya yang tidak sihat serta pengaruh media massa yang berunsur negatif (Lee 2000),

Ruhana Zainuddin dan Maznah Abd Hamid (2002) dalam kajian mereka mengenai persepsi guru terhadap pelaksanaan Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris mendapatkan bahawa faktor demografi mempunyai perkaitan yang bersandar dengan persepsi guru mengenai saranan kerajaan untuk mengimplementasikan penggunaan bahasa Inggeris pada subjek Sains dan Matematik pada tahun 2003. kajian juga mendapatkan bahawa guru wanita mempunyai tahap persetujuan yang rendah jika dibandingkan dengan guru lelaki.

Kajian oleh Mohamad Nasir Saludin, Sim Peng Mui dan Aeizal Azman A. Wahab (2002) mendapatkan bahawa penguasaan Matematik pelajar kaum Bidayuh di Sekolah Kebangsaan adalah lebih baik daripada penguasaan Matematik pelajar-pelajar Bidayuh di Sekolah Jenis Kebangsaan. Hal ini disebabkan oleh penguasaan bahasa pengantar dan merupakan bahasa yang mudah dikuasai mereka selain daripada bahasa ibunda, dialek Bidayuh. Tahap pendidikan ibu dan bapa, personaliti guru-guru dan persekitaran linguistik sekolah adalah tiga faktor utama untuk menggalakkan pelajar menggunakan bahasa Inggeris di sekolah-sekolah Menengah di Muar Johor (Ida Haryani 2002).

Bournot-Trites dan Tellowwitz (2002) pula mendapatkan bahawa pelajar yang menggunakan bahasa ibundanya bahasa Inggeris dan dihantar ke sekolah aliran Perancis berprestasi lebih baik (dalam

Matematik dan bahasa Inggeris) daripada pelajar berbahasa ibunda bahasa Inggeris dan pelajar di sekolah aliran Inggeris.

Di Amerika Syarikat pelajar terutamanya pada peringkat sekolah rendah, akan dapat menerima pengetahuan dengan lebih mudah sekiranya bahasa ibunda mereka digunakan sebagai bahasa pengantar (Shaharir Mohd Zain 2002).

M. Rasdi Saamah (2003) dalam kajiannya mendapati guru-guru mempunyai kelayakkan yang mencukupi untuk mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di Sekolah Rendah. Namun demikian, sebahagian besar daripada mereka berpencapaian rendah dalam matapelajaran bahasa Inggeris dan lemah dalam aspek kecekapan lisan dan tulisan bahasa tersebut. Lebih daripada 60 peratus guru tidak mempunyai latihan profesional dalam mata pelajaran bahasa Inggeris, Sains dan Matematik dan bidang komputer. Guru yang ada latihan dalam bahasa Inggeris dan komputer didapati lebih bersedia untuk melaksanakan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

Kajian oleh Jemaah Nazir Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) pada Januari hingga Mac 2003 di seluruh negara yang meliputi 1031 buah sekolah menengah dan rendah menunjukkan 85 peratus guru sekolah rendah dan 85 peratus guru sekolah menengah bersedia untuk melaksanakan program PPSMI. Daripada pemantauan didapati bahawa murid tahun satu menunjukkan status motivasi yang memberangsangkan untuk belajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Sementara itu, sebanyak 67 peratus murid tingkatan satu berminat untuk belajar Sains dalam bahasa Inggeris dan 82.6 peratus murid berminat untuk belajar Matematik dalam bahasa Inggeris.

Walau bagaimanapun, hasil kajian Jemaah Nazir Sekolah itu bertentangan dengan hasil kajian ahli-ahli akademik. Kajian oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2004) di enam buah sekolah di kawasan Tengah dan Selatan Semenanjung Malaysia mendapati bahawa guru memperlihatkan skor yang tinggi menyokong Sains dan Matematik diajar dalam bahasa Melayu, diikuti pelajar dan Ibu bapa. Guru (96 peratus) berpendapat pelajar semakin hilang minat untuk belajar dan 75 peratus pelajar menyatakan mereka sukar memahami subjek tersebut.

Kajian dasar pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) di sekolah rendah dan menengah oleh Isahak Haron (2007) mendapati bahawa polisi pendidikan tersebut telah menyukarkan pelajar mempelajari dua mata pelajaran tersebut. Prestasi

mereka juga rendah dalam ujian-ujian matematik dan Sains yang diberi. Rata-rata penguasaan bahasa Inggeris pelajar berkenaan juga rendah iaitu 73 peratus pelajar tidak dapat membaca dan memahami petikan berita akhbar yang memerlukan mereka memikir dan menjawab dalam bentuk ayat mudah. Ini menunjukkan PPSMI tidaklah membantu secara signifikan bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris pelajar.

Kajian oleh sekumpulan penyelidik daripada UPSI (2009) dalam laporan yang bertajuk “Tahap Kompetensi Guru dalam PPSMI serta Implikasinya terhadap Pembangunan Modal Insan Murid” yang diketuai Pengurus eksekutif PEMBINA, Datuk Abdul Raof Hussin juga mendapati dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) hanya berjaya meningkatkan empat peratus penguasaan bahasa asing itu, dan sebaliknya mengurangkan minat untuk mempelajari dua subjek tersebut. PPSMI hanya mampu menyumbang pada tahap paling minimum, iaitu kurang empat peratus kepada peningkatan pencapaian Bahasa Inggeris secara keseluruhannya. Mereka juga menyatakan bahawa kerugian berganda kepada murid, terutama kepada 75 peratus murid yang tergolong dalam kategori (pencapaian) sederhana dan lemah dalam tiga mata pelajaran terbabit, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik. Menurut kajian tersebut, PPSMI telah melunturkan minat, semangat dan keghairahan murid-murid untuk belajar Sains dan Matematik sejak di peringkat sekolah rendah lagi.

Kajian yang melibatkan tujuh universiti awam tersebut dijalankan antara Jun hingga Disember 2009 oleh Permuafakatan Badan Ilmiah Nasional (Pembina). Universiti terlibat termasuklah Universiti Putra Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Perguruan Sultan Idris, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Teknologi Mara. Hasil kajian merumuskan PPSMI harus ditamatkan dan mengembalikan sistem pengajaran sebelum dasar itu diperkenalkan pada 2003.

Dalam kajian di atas juga menjelaskan dari segi perkiraan analisis kos-faerah dalam konteks pelaburan jangka panjang, amalan PPSMI tidak menguntungkan, sebaliknya membantunkan tahap kecerdasan murid serta merugikan generasi akan datang dan disarankan supaya dasar PPSMI diberhentikan. Analisis keputusan peperiksaan terhadap 5,595 sampel pelajar tahun lima daripada 56 sekolah kebangsaan mendapati pencapaian pelajar makin merosot dan merudum mendadak apabila berpindah ke tahun enam. Kajian juga menjelaskan, kemerosotan berlaku akibat kegagalan pelajar memahami konsep sains dan matematik kerana tidak mampu berinteraksi dengan guru atau murid lain menggunakan bahasa Inggeris. Pola yang sama didakwa turut ditemui daripada kajian

Kementerian Pelajaran dan Jabatan Pelajaran Daerah dan sekolah tertentu.

Kongres Kebudayaan Melayu Kedua anjuran Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Gapena), Persatuan Sejarah Malaysia, Jabatan Kebudayaan dan Keseniaan Negara dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di ibu negara pada 2009 menyokong dan menyatakan langkah kerajaan memansuhkan polisi PPSMI adalah tepat pada masanya. Sebagai langkah susulan, pihak Kementerian Pelajaran telah memperkenalkan dasar baru iaitu Dasar “Memartabat Bahasa Malaysia dan Memperkuuhkan Bahasa Inggeris” (MBMMBI).

Pandangan yang Mewajarkan Pemansuhan PPSMI

Bahagian ini membincangkan pelbagai pandangan dan reaksi terhadap PPSMI yang dicetuskan semasa pra dan semasa pelaksanaan dianggap sebagai penyumbang kepada mewajarkan pemansuhan polisi tersebut. Pandangan yang dibincangkan adalah dari kalangan parti politik, ahli akademik dan Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Parti Politik

Bagi parti UMNO yang menjadi tulang belakang bagi kerajaan Barisan Nasional yang memerintah negara, pandangan atau hujah pemimpin mereka menjadi sandaran kepada BN. Namun, setiap pemimpin mempunyai alasan yang tersendiri untuk menyokong sepenuhnya polisi PPSMI atau menyokong polisi PPSMI tetapi dengan syarat atau jaminan tertentu.

Dalam ucapan Datuk Hishamuddin Tun Hussein, Ketua Pemuda UMNO Malaysia ketika berucap di Perhimpunan Agung UMNO 2002, beliau menjelaskan bahawa polisi PPSMI perlu dilaksanakan secara teliti dan bijak. Program pelaksanaan sebaiknya disesuaikan dengan keupayaan sumber yang ada, baik sumber manusia maupun sumber bahan pengajaran dan pembelajaran. Pihak kementerian tidak perlu gopoh dan terburu-buru dalam melaksanakan polisi tersebut. Kerajaan perlu menyedari dan berani mengakui kekurangan yang ada dalam sistem pendidikan hari ini. Maka penjadualan dan pelaksanaan cadangan ini hendaklah dilihat secara realistik. Beliau khawatir kegagalan melaksanakannya secara tersusun dan terperinci akan mengakibatkan para pelajar menjadi mangsa. Justeru, beliau merayu agar kerajaan

menubuhkan sebuah jawatankuasa perancangan dan perlaksanaan yang dipertanggungjawabkan untuk memperhalusi sistem yang bakal dilaksanakan tersebut.

Menurut Hajah Melati binti Ali, Senator di Dewan Negara yang juga AJK Pergerakan Wanita UMNO Malaysia ketika persidangan Dewan Negara 9 Julai 2002 menyatakan beliau menyokong polisi tersebut namun beberapa aspek penting perlu diambil perhatian oleh Kementerian. Beliau meminta kerajaan memantau persediaan yang telah dibuat sama ada dari segi latihan guru, kelengkapan makmal dan peralatan tambahan guru bagi menjayakan program tersebut. Beliau sedar bahawa pada masa kini, guru untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris sangat kurang terutamanya bagi sekolah-sekolah di luar bandar. Beliau juga memohon supaya Kementerian Pendidikan turun ke beberapa sekolah terpencil dan mengamati bagaimana mata pelajaran Bahasa Inggeris diajar terutamanya daripada segi kaedah yang digunakan. Beliau juga mencadangkan supaya latihan dalam perkhidmatan guru-guru ini sebolehnya dielakkan dalam waktu persekolahan kerana kelas akan terganggu bukan sahaja semasa ketiadaan guru malah selepas guru balik juga kerana guru juga memerlukan rehat dan selepas berkursus.

Dari pihak MCA, Datuk Seri Dr. Ling Leong Sik, Presiden Parti MCA Pusat ketika itu menyatakan tidak setuju bahasa Inggeris digunakan untuk mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC). Beliau mengesyorkan supaya bagi peringkat sekolah rendah, bahasa ibunda masing-masing dikenalkan sebagai bahasa pengantar dan pada masa yang sama mahu pengajaran Sains dan Matematik diperbaiki. Namun, parti itu juga mahu supaya terminologi Sains dan Matematik diperkenalkan dalam bahasa Inggeris bermula dari tahun empat hingga tahun enam dengan teks dwibahasa bagi tahun lima dan enam, dilengkapi petikan Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Parti MIC yang mewakili masyarakat India pula memberikan beberapa syarat kepada kerajaan sebelum melaksanakan dasar pengajaran bahasa Inggeris dalam subjek Sains dan Matematik di Sekolah Rendah Kebangsaan Tamil (SRJKT) iaitu kebijakan pelajar India dari segi infrastruktur sekolah ditambah baikkan serta pelajaran bahasa Tamil ditambah.

Bagi pihak Parti KeADILan Nasional (kini Parti Keadilan Rakyat/ PKR), mereka memberikan pendapat iaitu cadangan untuk mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris tentu sekali akan memberikan kesan yang besar dan mendalam terhadap dasar pendidikan kebangsaan dan kedaulatan negara (*Dewan Bahasa*,

November 2002) dan menuntut agar cadangan penggunaan Bahasa Inggeris untuk pengajaran Sains dan Matematik tidak diteruskan. Bagi Abdul Rahman Yusof, ahli majlis pimpinan tertinggi KeADILan ketika itu menjelaskan bahawa jika Sains dan Matematik tidak diajarkan dalam bahasa Melayu, maka bahasa ini akan menjadi bahasa kaku, bahasa yang tidak mempunyai masa hadapan. Menurut Ramli Ibrahim, ahli majlis pimpinan tertinggi KeADILan ketika itu menyatakan bahawa parti keADILan tidak menentang bahawa bahasa Inggeris merupakan bahasa globalisasi atau bahasa liberalisasi. Apa yang ditentang ialah penggunaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik.

DAP tidak setuju dengan penggunaan bahasa Inggeris untuk mengajar Matematik dan Sains namun menyokong program yang boleh memantapkan bahasa Inggeris. DAP berpendapat, pelaksanaan polisi PPSMI bertentangan dengan prinsip pendidikan dan tiada sebuah negara pun dalam dunia ini yang menggunakan bahasa Inggeris untuk mengajar Matematik dan Sains demi meningkatkan kefasihan bahasa Inggeris (Lim, K.S 2009). DAP mengemukakan beberapa kajian dan bukti kepada Kementerian Pendidikan iaitu bahasa pengajaran yang paling berkesan bagi Matematik dan Sains (dan mana-mana mata pelajaran yang memerlukan kemahiran kognitif dan berfikir) ialah bahasa ibunda. Negara-negara yang terkenal bagi standard Matematik dan Sains yang tinggi ialah Rusia, Sweden, Denmark, Belanda, Itali, Korea, Jepun, Jerman, Perancis, Amerika Syarikat, China, Taiwan dan Singapura yang menggunakan bahasa ibunda (atau bahasa yang ditutur di rumah bagi Singapura) sebagai bahasa pengajaran. Afrika Selatan berada di tempat akhir bagi Matematik dan Sains di kalangan 38 buah negara yang menyertai Kajian Matematik dan Sains Antarabangsa (TIMSS) kerana mereka menggunakan bahasa asing sebagai bahasa pengajaran bagi kanak-kanak mereka (S.M. Zakir 2009).

Dari pihak PAS pula, menurut Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, Presiden PAS, beliau berpendapat untuk memberi ilmu kepada pelajar-pelajar di peringkat awal mestilah dengan bahasa yang mudah, bahasa ibunda mereka sendiri supaya mereka tahu Sains, Matematik, tahu aplikasi pelajaran tersebut. Beliau berpendapat polisi PPSMI sememangnya memberi faedah kepada pelajar dari segi penguasaan bahasa namun dalam masa yang sama kerajaan tidak boleh melupai tanggungjawab untuk memperkasakan bahasa sendiri.

Ahli Akademik

Shaharir Mohd Zain, Presiden Akademik Sains Islam Malaysia (ASASI) yang juga bekas profesor matematik di UKM yang mengkritik polisi tersebut telah memberikan pandangannya tentang polisi PPSMI bahawa pelbagai kajian yang mengaitkan prestasi pelajar dengan bahasa pengantar yang digunakan telah dijalankan di seluruh dunia terutamanya di Amerika Syarikat (*MASSA*, 11-17 Januari 2003). Hasil daripada kajian tersebut merumuskan bahawa pelajar terutamanya pada peringkat sekolah rendah, akan dapat menerima pengetahuan dengan lebih mudah sekiranya bahasa ibunda mereka digunakan sebagai bahasa pengantar. Keputusan kerajaan untuk melaksanakan polisi PPSMI akan membawa kesan yang buruk kepada bahasa Melayu dan kedudukan bahasa kebangsaan negara ini juga akan terjejas. Beliau menjangkakan faktor yang akan menghasilkan kegagalan polisi tersebut ialah yang berkaitan dengan teknik pengajaran, penguasaan guru bahasa Inggeris, suasana pengajaran, motivasi pelajar dan peranan Kementerian Pendidikan (Nik Safiah Karim 2002). Oleh kerana program Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dilaksanakan tanpa melalui proses percubaan terlebih dahulu, maka sudah pasti memberi kesan jangka pendek dan jangka panjang dalam sistem pendidikan kebangsaan. Tempoh percubaan sebenarnya amat penting dalam memastikan sama ada program atau dasar yang bakal dilaksanakan itu sesuai ataupun tidak. Sekiranya perancangan dalam tempoh percubaan berjalan baik, maka ia boleh diteruskan, dan jika ia kurang berjaya, maka sesebuah dasar itu boleh dibatalkan ataupun menggunakan strategi lain bagi menjayakannya (*Tajul Arifin Nordin* 2003).

Menurut Oong Hak Ching, Pensyarah Sejarah China UKM, orang Cina mempunyai alasan untuk tidak setuju atas apa jua dasar yang dikira menggugat identiti kaum dan bahasa ibunda mereka (21-27 September 2002, *MASSA*). Ini boleh menyebabkan penguasaan bahasa ibunda akan hilang sedikit demi sedikit. Namun sebagai ahli akademik, beliau tidak mahu isu ini dilihat secara emosional sebaliknya ia harus dibincangkan secara rasional dan neutral. Beliau berpendapat kerajaan perlu memikirkan alternatif terbaik bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar. Ini kerana dalam keadaan sekarang, yang tidak mendesak kepada sebarang perubahan sudah pasti agar sukar dilaksanakan. Ini kerana bagi masyarakat Cina tidak ada keperluan mendesak untuk merubah sistem sedia ada. Bagaimanapun, beliau berpendapat lebih baik sekiranya pelaksanaannya di buat di peringkat

sekolah menengah. Ini kerana pada peringkat ini pelajar Cina sudah mempunyai asas yang kuat terhadap bahasa ibunda mereka.

Badan Bukan Kerajaan (NGO)

Langkah dan tindakan kerajaan mewajibkan pengajaran Sains dan Matematik di Sekolah Rendah Kebangsaan Cina (SJKC) telah mendapat bantahan dari beberapa buah pertubuhan Cina. Di antara pertubuhan yang menyatakan bantahan mereka ialah Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina (Jiao Zhong), Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia, Dewan Perhimpunan Cina Selangor (DPCS) dan Dewan Perhimpunan Cina Malaysia (DPCM). Mereka berpendapat bahawa kedua-dua mata pelajaran itu perlu dikekalkan dalam bahasa ibunda agar tidak menjelaskan prestasi akademik para pelajar (Minda Utama, Oktober 2002). Sekiranya subjek Sains dan Matematik diajar dalam bahasa Inggeris, ia dikhuatiri akan menyebabkan pelajar menghadapi kesukaran untuk memahami pelajaran yang disampaikan. Ini secara tidak langsung akan menjelaskan pencapaian pelajar-pelajar Cina yang selama ini cemerlang dalam kedua-dua subjek berkenaan selain membebankan murid SJKC yang terpaksa menguasai bahasa Melayu, Mandarin dan Inggeris pada masa yang sama. Tambahan pula, subjek Sains dan Matematik ialah pelajaran yang berteraskan ilmu kemahiran yang memerlukan kefahaman untuk menguasainya. Pelajar-pelajar Cina didapati lebih mudah memahami kedua-dua subjek ini dengan menggunakan bahasa ibunda. Oleh itu mereka mahu kerajaan mengkaji semula dan mahukan supaya pelaksanaan itu dibuat secara berperingkat-peringkat dan beransur-ansur supaya tidak menjelaskan sistem pendidikan dan kaedah pengajaran yang digunakan masa kini. Pertubuhan Cina berpendapat dasar ini tidak dapat membantu para pelajar memperbaiki bahasa Inggeris mereka. Jika ingin meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar maka usaha perlu dibuat untuk memperbaiki pengajaran dalam subjek tersebut dan menambah waktu belajar bahasa Inggeris.

Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) berpandangan bahawa proses meningkatkan penguasaan para pelajar dalam bahasa Inggeris adalah suatu keperluan dalam suasana hari ini kerana bahasa tersebut pintu kepada ilmu dan teknologi maklumat. Namun PKPIM mengulangi pendirian bahawa masalah utama tidak cemerlangnya pelajar dalam menguasai bahasa Inggeris adalah disebabkan oleh sikap,

motivasi serta pendedahan dan tumpuan lebih perlu. Ini perlu diberikan untuk memperbaiki kaedah pembelajaran dan pengajaran dalam bahasa Inggeris dengan pendekatan yang lebih kreatif dan dinamik. PKPIM berpandangan adalah kurang praktikal menggunakan bahasa Inggeris untuk mengajar Matematik kerana ia memerlukan pemahaman dan penjelasan teknikal, Dewan Bahasa ditubuhkan dengan hasrat untuk memantapkan bahasa Melayu agar dapat bersaing di dunia global.

Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA) menyatakan pelaksanaan polisi PPSMI tidak kena pada tempatnya untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar dengan cara mengambil alih peranan bahasa Melayu dalam pelajaran Sains dan Matematik yang sudah dimulakan 30 tahun lalu dalam sistem pendidikan negara. Gabungan Penulis Nasional (GAPENA) menyatakan permasalahan bahasa Inggeris yang telah dibangkitkan ini merupakan isu yang sangat mencabar kewibawaan pelaksanaan Akta Bahasa 1967 dan Dasar Pendidikan Kebangsaan (Abdullah Hassan 2009). Mereka mendesak kerajaan untuk mengkaji semula secara terperinci daripada segala aspek pelaksanaan dan implikasi pengajaran Sains dan Matematik pada semua tahap pendidikan serta mendesak Kementerian Pendidikan meningkatkan segala kemudahan pembelajaran bahasa Inggeris, di samping meningkatkan prasana di sekolah terutamanya di kawasan luar bandar.

Pengalaman di Sekolah

Dalam bahagian ini dibincangkan hasil kajian yang dilakukan di Terengganu dan Selangor. Aspek yang dibincangkan adalah minat dan prestasi pelajar dalam peperiksaan PMR di sekolah terpilih di kawasan kajian.

Minat dan Prestasi Murid

Subjek Matematik dan Sains adalah wajib diambil bagi murid di semua peringkat persekolahan, walau bagaimanapun minat terhadap subjek ini adalah berbeza mengikut negeri dan sekolah. Pada keseluruhannya murid mempunyai minat yang tinggi, tetapi hanya pada purata 56 peratus yang dapat memahami dengan jelas konsep Sains dan Matematik yang diterjemah dari bahasa Melayu ke bahasa Inggeris. Mereka faham kerana terdapat konsep-konsep tertentu yang asalnya daripada perkataan bahasa Inggeris yang telah diMelayukan. Ini mempengaruhi keaktifan mereka

dan hanya pada purata 35 peratus murid dari kedua-dua negeri mampu mengemukakan soalan atau berbincang semasa proses pembelajaran berlaku. Sehubungan ini juga sebilangan besar mereka tidak dapat menyiapkan kerja rumah. Fenomena ini memberi kesan kepada prestasi mereka dan 62.5 peratus menyatakan demikian (Lihat Jadual 10.1).

JADUAL 10.1. Minat dan penerimaan SMI dikalangan Murid (%)

Perkara	Terengganu	Selangor
Minat belajar SMI.	66.5	78.0
Meningkatkan kemahiran berbahasa Inggeris	90.0	93.2
Faham konsep SMI	55.8	55.5
Mampu kemuka soalan SMI	31.8	37.7
Aktif ketika belajar SMI	50.2	50.8
Boleh siapkan kerja rumah SMI	57.0	58.2
Tingkatkan penguasaan ilmu	67.5	73.7
Jejaskan prestasi peperiksaan	62.6	62.3

Sumber: Soal selidik 2005

Murid sekolah menengah asrama penuh paling ramai (40.0 peratus) yang berminat untuk belajar SMI. Mereka lebih berminat kerana prestasi peperiksaan subjek Sains dan Matematik adalah baik dan lebih stabil jika dibandingkan dengan pelajar sekolah lain di samping mereka mempunyai tahap bahasa Inggeris yang baik dan menguasai sukanan pelajaran yang terkandung dalam SMI tersebut. Hal ini juga disebabkan pelajar sekolah berasrama penuh terdiri daripada pelajar yang cemerlang di peringkat UPSR atau sekolah rendah. Murid daripada Sekolah Harian yang paling ramai menyatakan mereka tidak berminat dengan subjek Sains dan Matematik apabila diajar dalam bahasa Inggeris. Mereka menyatakan demikian kerana merasa susah atau terbeban dan tidak yakin pada diri sendiri. Ia bertambah bermasalah apabila mereka tidak memahami apa yang diajar oleh guru.

Jika dibandingkan tahap minat belajar di kalangan murid di sekolah harian di bandar dan luar bandar, kita mendapati bahawa pelajar di sekolah harian bandar lebih berminat dan yakin dengan SMI (67.9) peratus berbanding 32.1 peratus murid di luar bandar. Perkara sedemikian disebabkan pelajar di bandar lebih terdedah dengan arus pemodenan perbandaran disusuli dengan perkembangan teknologi maklumat melalui

akses internet atau laman web dari semasa ke semasa. Hal ini selaras dengan pandangan Mohd Faisal bin Ismail seorang pelajar yang ditemubual yang menyatakan bahawa pelajar di bandar lebih terdedah dengan keadaan sedemikian dan mereka juga berkomunikasi dalam bahasa Inggeris sesama mereka dan ini membolehkan mereka dapat berbahasa Inggeris dengan baik. Dari aspek pengajaran pula, terdapat murid yang menyatakan bahawa guru mereka mengajar tidak jelas kerana menggunakan bahasa yang terlalu saintifik hingga tidak difahami oleh pelajar. Ada juga guru yang tidak fasih berbahasa Inggeris dan pengajaran disampaikan dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

JADUAL 10.2. Minat Pelajar Melayu Dalam SMI mengikut Jenis Sekolah (%)

Jenis Sekolah	Minat	Tidak Minat
Sek. Men. Asrama Penuh	40.0	9.0
Sek. Men. Agama	34.4	17.0
Sek. Men. Harian Bandar	17.6	28.0
Sek. Men. Harian Luar Bandar	.0	36.0

Sumber: Soal selidik 2005

Terdapat juga beberapa masalah lain dalam pembelajaran SMI. Di Terengganu yang paling utama ialah pelajar kurang faham dengan bahasa Inggeris, kurang memberi tumpuan, kurang berminat dan malu untuk bertanya (41.4 peratus), tidak faham apa yang diajar oleh guru (29.0 peratus), tidak faham istilah yang digunakan, tidak faham soalan dan penguasaan bahasa Inggeris sangat lemah. Mereka juga menjelaskan ada sebahagian guru yang menggunakan bahasa Inggeris yang tinggi, tidak dapat menerangkan dengan baik dan guru bercakap terlalu laju. Selain itu, pelajar berpendapat guru mereka juga tidak fasih dalam bahasa Inggeris. Hanya 1.1 peratus pelajar berpendapat mereka menghadapi masalah dalam pembelajaran mereka kerana masalah kekurangan bahan bantu belajar seperti buku yang tidak cukup. Selangor juga menghadapi masalah yang sama seperti di Terengganu yang mana puncanya juga melibatkan pelajar itu sendiri (94.8 peratus), guru tidak fasih berbahasa Inggeris (5.2 peratus) dan kurang jelas ketika mengajar SMI. Hanya 0.5 peratus sahaja pelajar yang berpendapat masalah pembelajaran berpunca daripada kekurangan alat bantu mengajar.

Dari aspek prestasi pula, polisi PPSMI memberi impak yang ketara kepada prestasi pelajar dalam peperiksaan PMR pelajar di bandar-luar

bandar dan jenis sekolah. Pengukuran prestasi pelajar dalam peperiksaan penggal tersebut dibuat berdasarkan standard penggredan yang disediakan oleh pihak kementerian Pelajaran iaitu A (cemerlang), B (baik), C (memuaskan), D (lulus) dan E (gagal) melalui perbandingan antara peperiksaan PMR antara tahun 2007 hingga 2009. Gred subjek tersebut diambil daripada keputusan PMR tahunan (2007-2009) dari sekolah-sekolah menengah terpilih.

Secara keseluruhan dengan merujuk Jadual 10.3 dan 10.4, hasil kajian mendapati bahawa bagi negeri Terengganu, untuk subjek Sains, bagi sekolah menengah berasrama penuh, tiada perubahan kerana bilangan pelajar yang lulus bagi ketiga-tiga tahun tersebut adalah sama iaitu masing-masing seramai 100 peratus. Bagi sekolah menengah harian bandar, keputusan keseluruhan menunjukkan bahawa pencapaian semakin merosot dari tahun ke tahun iaitu 75 peratus lulus (2007), 71 peratus (2008) dan 65 peratus (2009).

JADUAL 10.3. Prestasi Murid Berdasarkan Jenis Sekolah, Subjek, Kelulusan dan Tahun Pada Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) di Terengganu

Tahun Tahap	2007		2008		2009	
	Lulus	Gagal	Lulus	Gagal	Lulus	Gagal
Jenis Sekolah/Subjek Sains						
Sekolah Berasrama Penuh	100	-	100	-	100	-
Sekolah Menengah Agama	100	-	96	4	91	9
Sekolah Men. Harian Bandar	75	25	71	8	65	35
Sekolah Men. Harian						
Luar Bandar	65	35	61	8	55	45
Jenis Sekolah/Subjek Matematik						
Sekolah Berasrama Penuh	100	-	100	-	100	-
Sekolah Menengah Agama	85	15	100	-	93	17
Sekolah Men. Harian Bandar	82	18	85	15	72	28
Sekolah Men. Harian						
Luar Bandar	70	30	73	27	61	39

Sumber: Data Peperiksaan Tahunan Sekolah-Sekolah Menengah Terpilih Terengganu 2007-2009

**JADUAL 10.4. Prestasi Murid Berdasarkan Jenis Sekolah, Subjek,
Kelulusan dan Tahun Pada Peperiksaan
Penilaian Menengah Rendah (PMR) di Selangor**

Tahun Tahap	2007		2008		2009	
	Lulus	Gagal	Lulus	Gagal	Lulus	Gagal
Jenis Sekolah/Subjek Sains						
Sekolah Berasrama Penuh	100	-	100	-	100	-
Sekolah Menengah Agama	100	-	98	2	95	5
Sekolah Men. Harian Bandar	78	22	69	31	66	34
Sekolah Men. Harian Luar Bandar	75	25	71	29	65	35
Jenis Sekolah/Subjek Matematik						
Sekolah Berasrama Penuh	100	-	100	-	100	-
Sekolah Menengah Agama	100	-	100	-	96	4
Sekolah Men. Harian Bandar	80	20	88	12	74	26
Sekolah Men. Harian Luar Bandar	73	27	75	25	69	31

Sumber: Data Peperiksaan Tahunan Sekolah-Sekolah Menengah Terpilih Selangor 2007-2009

Bagi sekolah menengah harian luar bandar, data yang diperoleh juga telah menunjukkan penurunan peratus lulus yang ketara iaitu dari 65 peratus (2007), 61 peratus (2008), dan kepada 55 peratus (2009). Bagi sekolah menengah agama, jumlah pelajar yang lulus bagi ketiga-tiga tahun peperiksaan tinggi. Bagaimanapun terdapat 9 peratus gagal (gred E) bagi Matematik. Begitu juga dengan subjek Matematik di sekolah menengah berasrama penuh, keputusan bagi ketiga-tiga tahun tiada perubahan jumlah pelajar yang lulus 100 peratus. Berbanding dengan sekolah menengah harian di bandar, data menunjukkan keputusan turun naik iaitu kelulusan pada tahap 82 peratus (2007), ke 72 peratus (2009). Sekolah menengah harian luar bandar juga mengalami prestasi lulus yang menurun dari iaitu 70 peratus (2007), ke 61 peratus pada tahun 2009. Keputusan lulus bagi Sekolah Menengah Agama masih memuaskan meskipun mengalami turun naik antara 80 hingga 93 peratus. Jumlah pelajar yang gagal adalah tinggi iaitu 26 peratus.

Pola yang hampir sama juga berlaku di Negeri Selangor, untuk subjek Sains dan Matematik. Bagi sekolah menengah berasrama penuh, tiada perubahan kerana bilangan pelajar yang lulus bagi ketiga-tiga tahun

tersebut adalah sama iaitu masing-masing seramai 100 peratus. Bagi sekolah menengah harian Bandar dan luar bandar, keputusan keseluruhan menunjukkan bahawa pencapaian semakin merosot dari tahun ke tahun seperti yang dipaparkan pada Jadual 10.4. Peratusan yang gagal juga tinggi bagi direkod untuk sekolah menengah harian Bandar dan luar Bandar.

Dapatlah disimpulkan bahawa prestasi SMI di kedua-dua negeri (Terengganu dan Selangor) dalam peperiksaan semakin morosot di sekolah menengah harian bandar dan luar bandar. Dapatkan kajian ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Norhashimah Jalaludin (2004) di enam buah sekolah di Wilayah Tengah dan Selatan Semenanjung Malaysia dimana 94.0 peratus daripada 971 orang pelajar bumiputera dan bukan bumiputra mengalami keputusan peperiksaan penggal SMI semakin merosot. Namun di sekolah menengah berasrama penuh dan sekolah menengah agama, prestasinya agak memuaskan.

Impak Dasar

Pada awalnya polisi PPSMI dikritik dan disyorkan untuk tidak diteruskan oleh parti pembangkang (DAP, PAS, PKR dan PSM), NGO (antaranya GAPENA, PENA, PPM, Dong Jiao Zong, ABIM) dan individu tertentu, oleh itu polisi ini sentiasa dijadikan salah satu isu politik yang didebatkan semasa kempen pada pilihan raya umum 2004 dan ia kurang memberi impak terhadap pola pengundian nasional ketika itu serta pilihan politik rakyat serta kepopularan kerajaan BN yang menerajui perlaksanaan polisi ini. Walau bagaimanapun isu ini dibangkitkan semula oleh pembangkang dalam pilihan raya umum ke-12 dan dilihat sebagai salah satu punca yang mengakibatkan 'tsunami politik' pada Mac 2008 yang lalu.

Setelah menyedari hakikatnya pada 2009, PPSMI telah dibubarkan dan Kerajaan memperkenalkan dasar "Memartabatkan Nahasa Malaysia dan Memperkuuhkan Bahasa Inggeris". Berbagai langkah diambil oleh Kerajaan umpamanya pihak Kementerian juga telah bersetuju untuk mewujudkan lima buah Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) Kampus Bahasa Inggeris khusus untuk melatih guru-guru bahasa Inggeris. Kementerian juga secara dasarnya telah bersetuju untuk menempatkan guru-guru bahasa Inggeris terbaik dan guru-guru yang akan diambil dari luar negara di kawasan luar bandar bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris pelajar luar bandar. Insentif khusus akan diberikan kepada guru-guru bahasa Inggeris yang bersedia untuk berkhidmat di luar bandar. Jawatan pembantu guru bahasa Inggeris juga akan diwujudkan bagi kelas

besar, seperti kelas yang melebihi 35 orang murid, untuk meningkatkan “contact-time” antara guru dan murid. Dengan mewujudkan jawatan guru pembantu bahasa Inggeris ini, tumpuan yang lebih boleh diberikan kepada pelajar-pelajar yang lemah penguasaan bahasa Inggeris. Mereka ini boleh dibimbang secara lebih dekat untuk membolehkan mereka menguasai bahasa Inggeris dengan lebih baik. Pemantapan penguasaan bahasa Inggeris perlu bergerak seiring dengan pengukuhan penguasaan bahasa Malaysia. Untuk tujuan tersebut, Kementerian Pelajaran akan memberi fokus kepada penguasaan kemahiran asas Bahasa Malaysia di kalangan pelajar melalui pendekatan didik hibur dan apresiasi bahasa. Penekanan juga akan diberikan kepada penghayatan dan apresiasi kesusasteraan Melayu bagi pelajar di peringkat sekolah menengah.

Keputusan mengembalikan pengajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Malaysia di sekolah kebangsaan juga merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk memperkuuh dan memartabatkan kedudukan bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan dalam sistem pendidikan negara. Dengan pelaksanaan keputusan ini komponen Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di Tahap 1 sekolah kebangsaan meningkat daripada 60 peratus kepada 75.6 peratus, manakala di Tahap 2 meningkat daripada 60 peratus kepada 80 peratus. Peningkatan yang sama juga berlaku di peringkat sekolah menengah. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk memperincikan aspek latihan guru, kurikulum, penyediaan buku teks, lojistik, personel dan penerangan. Dengan kefahaman, sokongan dan usaha berterusan seluruh warga pendidik dalam menjayakan dasar baru tersebut, dijangkakan akan dapat mencapai matlamat menambahbaik kualiti pendidikan negara secara berterusan demi kepentingan masa depan negara.

Melihat ke hadapan, dasar “Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkuuhkan Bahasa Inggeris” yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan bermula pada tahun 2012 adalah satu dasar baru yang merupakan sebahagian daripada proses penambahbaikan berterusan dasar pendidikan di negara kita. Kementerian Pelajaran pada ketika ini sedang melakukan persiapan untuk melaksanakan dasar ini dengan sebaik mungkin tanpa menjaskan pencapaian pelajar-pelajar yang akan terlibat dalam proses transisi pada tahun 2012 nanti. Satu pendekatan soft-landing akan diambil untuk memastikan pencapaian pelajar-pelajar yang sedang mengikuti pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik di bawah dasar PPSMI tidak akan terjejas.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, prestasi SMI kedua-dua negeri yang dikaji iaitu Terengganu dan Selangor dalam peperiksaan pertengahan tahun dan peperiksaan akhir tahun semakin morosot terutamanya di sekolah menengah harian bandar dan sekolah menengah harian luar bandar. Namun di sekolah menengah berasrama penuh dan sekolah menengah agama prestasi bagi kedua-dua subjek SMI tersebut adalah baik. Dasar ini telah mempengaruhi pilihan politik dikalangan Ibu bapa murid dan menjelaskan kepopularan kerajaan yang memerintah (BN). Langkah Kerajaan memansuhkan dasar PPSMI adalah tepat pada masanya berdasarkan kajian oleh pihak Kementerian Pelajaran dan IPTA menunjukkan dasar pelajaran tersebut telah member kesan negatif kepada pelajar pada jangka masa panjang. Namun pemansuhan PPSMI telah digantikan dengan dasar “Memartabat Bahasa Malaysia dan Memperkuuhkan Bahasa Inggeris” (MBMMBI) yang bakal memantapkan pengajaran bahasa seterusnya ilmu yang dipelajari murid sebaiknya.

Rujukan

- Abdullah Hassan. 2009. Mengapa kami bantah. Edisi 2. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Burns, Robert & Chareston, Rosalind. 1997. The readability of English medium curriculum tests in Brunei primary schools. Australia Journal of language and literacy. Vol. 102. no. 4. pg. 290.
- Cristmore, A., Ngeow, K.Y.H & Soo, K. S. 1996. Attitudes toward English in Malaysia, World Englishes 15(3): 319-335.
- Dewan Bahasa. November 2002
- Ho, chiu-chung. 1989. An evaluation of the effect of changing the medium of instruction in a Hong Kong. (atas talian) <http://sunzi.lib.hku.hk/cgi-bin/hkuto/abs?B18031407> (2 Ogos 2002).
- Ida Haryani Ideris. 2002 Factors that encourage Malay students to speak English at school: A case study in the lower secondary students of Sek. Men. Keb. Dato' Sri Amar Di Raja, Muar. Tesis Sarjana Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamal Shukri Abdullah Sani. 2007. Bahasa Melayu: apa sudah jadi?. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Kuldip Kaur. 1995. Why they need English in Malaysia: a survei. World Englishes 14(2): 223-230.

- Lee, B.C. 2005. Agenda Melayu atau agenda rakyat. Petaling Jaya: Strategic Information Research Development (SIRD).
- Lee, B.C. 2005. Dasar BI: Berpatah balik sebelum terlambat. Dlm Sajakkini (atas talian) <http://sajakkini.blogspot.com/2005/04/06/dasar-bi-berpatah-balik-sebelum-terlambat> (6 April 2005)
- Lim, K.S. 2009. Cabinet decision on EteMS (PPSMI): A raw deal. Petaling Jaya: Graphic Tech (M) Sdn. Bhd.
- MASSA. 21-27 September 2002.
- MASSA. 11-17 Januari 2003.
- Minda Utama. Oktober 2002
- Mohd Nasir Saludin Dr., Sim Peng Mui & Aeizaal Azman A. Wahab. 2002. Pengaruh bahasa ke atas kebolehan menyelesaikan masalah Matematik. Persidangan Kebangsaan Pendidikan Matematik 2002 UPSI. Hlm. 182-190.
- Mohd Rasdi bin Saamah. 2003. Kesediaan guru-guru sekolah rendah melaksanakan perubahan bahasa pengantar mata pelajaran Sains dan Matematik. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2005. Penerimaan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris: konflik antara dua darjah. Dlm Suara pejuang bangsa. Editor Abdul Rahim Bakar & Awang Sarian. Hulu Kelang: Persatuan Linguistik Malaysia
- Ruhana Zainuddin. 2002. Penggunaan bahasa Inggeris dalam P&P Matematik dan Sains: apakah persepsi guru-guru?. Makalah Persidangan Kebangsaan Pendidikan Matematik 2002. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Oktober.
- Shaharir Mohamad Zain, 2002. Kedudukan teori dan amal dalam pendidikan Matematik sekolah di Malaysia. Persidangan kebangsaan pendidikan Matematik 2002 UPSI. Hlm. 2, 4 –5, 7.
- S.M. Zakir. 2009. Kolumn sosiopolitik: dunia tanpa tirai. Kajang: Penerbitan Pustaka Nusa Sdn. Bhd.